

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Baharu,

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan Negeri,

Saya mohon izin untuk membawa usul seperti berikut:

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan "Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2019 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu" dibacakan bagi kali kedua.**

Kedua:

**Mengusulkan butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai "Kertas Dewan Bilangan 28 Palang 2018", adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak Empat Ratus Juta Ringgit (RM400,000,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2019. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu, adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan."**

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan Negeri,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala di atas Rahman dan RahmatNya kita berpeluang untuk meneruskan agenda pembangunan Kerajaan Negeri dan menjunjung amanah rakyat. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Rasulullah Salallah Hualaihi Wassalam yang diutuskan sebagai rahmat kepada sekalian alam.
2. Sebagai sebuah pentadbiran yang sentiasa merasai denyut nadi rakyat, Kerajaan Pakatan Harapan Perak sentiasa memberi keutamaan kepada segala usaha untuk menunaikan harapan setiap lapisan rakyat. Biarpun terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran sejak mengambil alih tampuk pentadbiran, Kerajaan Negeri melihat hikmah di sebalik kekurangan ini demi mengembalikan kegemilangan negeri tercinta ini.
3. Biarpun dilambung ombak dan badai, biarpun tertusuk duri yang menikam, layar bahtera ini tidak akan pernah tersasar dari haluannya. Andai takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan. Kerajaan Negeri tidak sama sekali akan berganjak dan akan terus mara, mengibarkan panji-panji harapan rakyat dan mengembalikan sinar kegemilangan tanah tercinta.

**ULANGTAHUN KEPUTERAAN DYMM SULTAN PERAK DAN PERLANTIKAN  
SEBAGAI PEMANGKU YANG DI-PERTUAN AGONG**

4. Dewan yang mulia ini merafakkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah bersempena Hari Keputeraan Duli Tuanku pada 2 November yang lalu. Dewan ini mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dilimpahi keafiatan yang berpanjangan untuk terus memayungi Negeri Perak.
  
5. Dewan Yang Mulia ini juga merafakkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan di atas perlantikan sebagai pemangku Yang di-Pertuan Agong bermula dari 2 November 2018. Semoga Allah SWT melimpahkan taufik dan hidayah kepada Duli Tuanku serta dipermudahkan segala urusan dalam memikul amanah ini.

Kasih ku tatang penuh cermat,  
Janji ku semat kata ku kota,  
Semoga Allah kurniakan rahmat,  
Di singgahsana terus bertakhta.

Dirgahayu Tuanku.

6. Pada kesempatan ini, Dewan Yang Mulia turut merafakkan setinggi-tinggi tahniah kepada perlantikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa di atas perlantikan sebagai Pengerusi Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.
  
7. Ucapan tahniah juga dipanjangkan kepada Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja, Jeneral (Bersara) Dato' Seri DiRaja Tan Sri Dr. Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin dan Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Kaya Seri Agar DiRaja, Dato' Seri DiRaja Tan Sri Haji Ramli Bin Ngah Talib di atas perlantikan sebagai Ahli Jemaah Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

Dato' Yang Dipertua,

8. Kerajaan Negeri di bawah Pentadbiran Pakatan Harapan mempunyai visi dan misi yang jelas untuk membawa Negeri ini ke arah mensejahterakan penduduk selaras dengan konsep Rahmatan Lil Alamin iaitu kesejahteraan seluruh alam meliputi alam manusia, alam tumbuhan dan haiwan. InsyaAllah Negeri Perak akan menjadi sebuah Negeri yang dirahmati Allah SWT sebagai negeri yang baik dan mendapat rahmat keampunan Tuhan dengan berpegang kepada prinsip menegakkan kebenaran dan keadilan serta mencegah kemungkaran.

\* AYAT AL-QURAN SURAH AI-HASYR AYAT 18 \*

Saya ingin mengajak Dewan yang mulia ini untuk merenung firman Allah SWT yang membawa maksud:

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

(Surah Al- Hasyr: Ayat 18)

Dato Yang Dipertua,

## **EKONOMI**

### **Prestasi dan Cabaran Ekonomi**

9. Bank Dunia dalam laporannya pada bulan Jun 2018 telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan untuk dua tahun mendatang. Pada tahun ini, ekonomi global dijangka mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.1 peratus dan menguncup kepada 3.0 peratus pada 2019 dan terus menguncup kepada 2.9 peratus pada tahun 2020.
  
10. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mengunjurkan purata pertumbuhan ekonomi Negeri Perak pada kadar lima peratus bagi tempoh 2018 hingga 2020. Pertumbuhan ini dipacu oleh sektor perkhidmatan, pembuatan serta perlombongan dan pengkuarian.
  
11. Mengambil kira persekitaran ekonomi dunia yang mencabar ini, Bajet ini dirangka bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi, memperkasa data saing Negeri dan modal insan, serta pada masa yang sama memastikan kebajikan rakyat khususnya golongan yang memerlukan mendapat pembelaan.

Dato' Yang DiPertua,

## **BAJET TAHUN 2019**

12. Bajet 2019 yang dibentangkan pada persidangan Dewan Negeri kali ini merupakan belanjawan tahun keempat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan yang pertama di bawah kepimpinan Kerajaan baru. Berlandaskan Manifesto Pakatan Harapan, program pembangunan sosio-ekonomi rakyat menjadi fokus utama Negeri. Oleh yang demikian, semua program sedia ada dikaji dan ditambah baik, disamping memperkenalkan program-program baru yang lebih memberi impak terus kepada rakyat.
  
13. Di bawah tema **BERSAMA MEMACU HARAPAN**, Bajet Negeri 2019 berlandaskan **lima fokus** telah ditetapkan seperti berikut:

### **FOKUS:**

- i) Mengukuhkan Ekonomi Dan Kelestarian Sumber Negeri;**
- ii) Memacu Kesejahteraan Dan Ekonomi Rakyat;**
- iii) Menggerakkan Revolusi Industri Keempat;**
- iv) Meluaskan Jaringan Strategik Pembangunan Negeri; dan**
- v) Memastikan Perbelanjaan Mengikut Keperluan.**

Dato' Yang DiPertua,

16. Bajet Negeri Perak Tahun 2019 disediakan berdasarkan unjuran hasil dan terimaan pembangunan **Satu Bilion Enam Puluh Satu Juta Lima Ratus Lima Puluh Enam Ribuan dan Empat Puluh Ringgit (RM1,061,556,040)** mengikut pecahan berikut:-

- **Satu Bilion Tiga Puluh Juta Sembilan Ratus Tujuh Puluh Lima Ribuan dan Empat Puluh Ringgit (RM1,030,975,040)** daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil; dan
- **Tiga Puluh Juta Lima Ratus Lapan Puluh Satu Ribuan Ringgit (RM30,581,000)** adalah daripada Terimaan Pembangunan.

Daripada jumlah tersebut:

17. Saya mohon mencadangkan **Tujuh Ratus Tujuh Puluh Satu Juta, Tujuh Ribuan Ringgit (RM771,007,000)** diperuntukkan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2019. Jumlah ini terdiri daripada:

- **RM376.24 juta** untuk Perbelanjaan Emolument;
- **RM272.21 juta** bagi Perkhidmatan dan Bekalan;
- **RM12.53 juta** bagi Pembelian Aset;
- **RM107.63 juta** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap; serta
- **RM2.40 juta** untuk lain-lain perbelanjaan.



18. Perbelanjaan Pembangunan pula diunjurkan **Empat Ratus Juta Ringgit (RM400,000,000)**. Sektor di bawah **fokus Memacu Kesejahteraan Dan Ekonomi Rakyat menerima agihan tertinggi RM238.38 juta (59.60%)**, diikuti dengan **RM142.40 juta (35.60%) untuk Mengukuhkan Ekonomi Dan Kelestarian Sumber Negeri, RM14.82 juta (3.70%) untuk Meluaskan Jaringan Pembangunan Strategik Pembangunan Negeri** dan sebagai permulaan **RM4.40 juta (1.1%) diperuntukkan untuk Menggerakkan Revolusi Industri 4.0.**

Dato' Yang Dipertua,

#### **FOKUS 1 – MENGUKUH EKONOMI DAN KELESTARIAN SUMBER NEGERI**

19. Di bawah fokus 1 iaitu Mengukuhkan Ekonomi Dan Kelestarian Sumber Negeri, Kerajaan Negeri akan melaksanakan program dan projek bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi di samping memastikan kelestarian sumber-sumber negeri.

#### **SEKTOR PERKHIDMATAN**

20. Sektor perkhidmatan memberikan sumbangan tertinggi kepada KDNK Negeri dengan jumlah RM46.371 billion, iaitu 60.9 peratus daripada keseluruhan KDNK Negeri. Bagi tujuan memacu pertumbuhan sektor perkhidmatan, Kerajaan Negeri mengenal pasti pelancongan sebagai salah satu teras utama dalam merakyatkan ekonomi serta menjana ekonomi Negeri. Kerajaan Negeri akan menubuhkan Majlis Tindakan

Pelancongan Negeri (PTAC) yang akan bertindak sebagai badan perancang, pemudah cara, pembuat keputusan dan penyelaras yang menggabungkan semua agensi berkaitan pelancongan demi untuk memastikan kesegeraan tindakan dapat dilaksanakan serta menggalakkan kedatangan pelabur berkaitan pelancongan ke Negeri Perak. Ini sekaligus akan mewujudkan peluang pekerjaan dan peluang perniagaan kepada penduduk bandar dan luar bandar.

21. Sebagai khazanah dunia, yang tidak ternilai di Hutan Simpan DiRaja Belum (Royal Belum) berpotensi untuk muncul sebagai destinasi eko-tourism utama di rantau ini. Justeru, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pelbagai pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara telah berkerjasama rapat menggembelingkan segala usaha dan tenaga untuk memastikan kelestarian ekosistem hutan simpan ini seperti berikut:-

- Peruntukan dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak RM2.5 juta untuk pembayaran pemuliharaan *eco-system service*, dengan izin, termasuk kajian *Rafflesia*, kajian hidupan liar dan kajian santuari ikan Kelah dan pembinaan *boardwalk*;
- Peruntukan daripada Sime Darby sebanyak RM1.2 juta untuk tempoh Oktober 2018 sehingga Oktober 2020 untuk kerja-kerja anti pencerobohan dengan tambahan kakitangan bersama peralatan;

- Peruntukan daripada World Wide Fund for Nature (WWF) sebanyak RM200 ribu, untuk projek pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di pos Hutan Simpan DiRaja Belum;
  - Peruntukan dari Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) sebanyak RM72 ribu bagi kerja-kerja pelan pengurusan bersama yang disemak semula, pemetaan jejak kemanusiaan, video pelan perniagaan Royal Belum; dan
  - Peruntukan dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebanyak RM40 ribu bagi menampung program rondaan dalam Royal Belum.
22. Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan di atas komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menambah lima puluh orang Renjer Hutan untuk ditempatkan di Perbadanan Taman Negeri Perak. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sedang bekerjasama untuk mendapatkan pengiktirafan status tapak warisan dunia UNESCO bagi Royal Belum. Ini akan memberi suntikan aktiviti ekonomi kepada penduduk setempat dan Negeri. Ia juga akan membantu meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri bagi tujuan memelihara dan menyelenggara khazanah hutan tertua di dunia itu.

Di muara sungai ku pasang pukut,  
Hajat di hati memukat haruan,  
Negeri ku indah cantik memikat,  
Siapa yang datang pasti tertawan.

23. Dari aspek pengangkutan untuk sektor pelancongan pula, Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan perjanjian bagi penerbangan pergi balik dari Bangkok, Guangzhou dan kemungkinan besar beberapa lagi destinasi antarabangsa ke Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) Ipoh. Ini sudah tentu akan membawa peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada anak-anak Perak dalam bidang aero angkasa.
  
24. Kerajaan Negeri terus berusaha bagi mempelbagaikan destinasi penerbangan ke LTSAS. Penerbangan Air Asia dari Singapura ke Ipoh akan bermula pada 3 Disember 2018 sebanyak 2 kali penerbangan sehari dan 4 kali seminggu. Kerajaan Negeri juga sedang berunding dengan beberapa syarikat penerbangan supaya memulakan penerbangan terus dari bandar-bandar utama di Asia Tenggara dan China ke Ipoh. Perbincangan telah dimulakan untuk menaik taraf LTSAS I sebagai hab untuk sektor penerbangan komersial di wilayah utara berdasarkan kedudukan Ipoh di antara Pulau Pinang dan Lembah Klang. Ini bakal menjadi pelengkap kepada langkah Kerajaan Negeri memohon status Pulau Bebas Cukai untuk Pulau Pangkor serta usaha mempromosikan Perak sebagai destinasi pelancongan terunggul negara.

25. Kerajaan Negeri juga mengalu-alukan cadangan pembinaan lapangan terbang antarabangsa di selatan Perak bagi menarik aliran perkhidmatan kapal kargo udara. Ini adalah sebahagian daripada inisiatif untuk mewujudkan eko sistem kondusif untuk menarik pelabur bagi memacu sektor perindustrian dan perkhidmatan negeri Perak.

### **IPOH SEBAGAI HAB PELANCONGAN**

26. Menyentuh kepada produk-produk pelancongan warisan pula, Ipoh dilihat memiliki kepelbagaian produk seperti peninggalan bangunan warisan yang berpotensi untuk diangkat sebagai produk pelancongan dari aspek penceritaan sejarah dan senibinanya. Sebagai salah satu langkah menambah baik rangkaian pengangkutan dan hubungan untuk keselesaan pelancong, Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan bas 'Hop On Hop Off' kepada pelancong domestik dan antarabangsa yang turut melibatkan penyediaan pemandu pelancong.
  
27. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan menganjurkan pelbagai aktiviti di Bandaraya Ipoh bertujuan mempromosikan pelbagai jenis produk jenama Perak melibatkan makanan, bakat, pengusaha mahupun syarikat dan hasil ciptaan anak-anak Perak di bawah tema "Pride of Perak (POP)". Antara aktiviti yang dirancang adalah: POP Festival, National Coffee and Gastronomy Festival dan Tin Mining & Geopark Festival. Penganjuran program-program pelancongan lain seperti Perak Adventure and Extreme Sport Festival, International Badang Ethno Sport dan

Karnival UNESCO Lenggong yang diadakan sempena ulangtahun ketujuh pengiktirafan Lenggong sebagai tapak warisan dunia.

28. Bagi memperbanyakkan produk pelancongan, Kerajaan Negeri akan turut memberi penekanan terhadap pemeliharaan tapak-tapak *geosite* dan *geotrail* yang sememangnya signifikan dalam meletakkan Negeri Perak di persada antarabangsa. Perasmian Geopark Lembah Kinta pada 25 Oktober 2018 sebagai Geopark Kebangsaan yang kedua selepas Geopark Langkawi adalah satu pengiktirafan yang bukan sahaja untuk dibanggakan tetapi ia juga datang dengan tanggungjawab untuk memastikan tapak geopark ini dipelihara dengan baik. Perbadanan Taman Negeri Perak dalam proses menyediakan Pelan Pengurusan Bersepadu yang memfokuskan kepada Geo-Pendidikan, Penyelidikan Arkeologi dan Ekologi.

Dato' Yang Dipertua,

29. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM8 juta** untuk memajukan **sektor pelancongan** di Negeri Perak. Ini termasuklah gerak kerja promosi luar negara yang disasarkan sempena penganjuran International Travel Bazaar di China dan Singapura serta Travel Fair di Thailand.
30. Penjenamaan adalah satu perkara yang sangat penting dalam kita mempromosikan Perak ke mata dunia. Kerajaan Negeri telah merancang beberapa strategi bagi tujuan ini dan dimulakan dengan pengenalan baru maskot pelancongan Negeri Perak

iaitu tapir. Pemilihan tapir mempunyai signifikan yang tersendiri sebagai salah satu spesis haiwan terancam yang terdapat di Perak. Penemuan arkeologi mural lakaran tapir di Gua Tambun telah mengangkatnya sebagai fosil bergerak yang signifikan kepada penjenamaan Perak.

Dato' Yang Dipertua,

## **SEKTOR PEMBUATAN**

31. Sektor pembuatan memberikan sumbangan kedua tertinggi kepada KDNK Negeri dengan jumlah RM12 bilion, iaitu 18.9 peratus daripada keseluruhan KDNK Negeri.
32. Berdasarkan laporan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), jumlah pelaburan yang diluluskan di Negeri Perak pada tahun 2017 adalah RM2.0 billion, manakala bagi tempoh Januari sehingga Jun 2018, jumlah pelaburan yang diluluskan adalah RM702 juta meliputi RM364 juta pelaburan di dalam sektor pembuatan dan RM338 juta di dalam sektor perkhidmatan.
33. Alhamdulillah, dalam tempoh kurang dari enam bulan, kita juga telah berjaya memperoleh ikrar pelaburan RM1.9 bilion melalui pemeteraian memorandum persefahaman bersama beberapa buah syarikat yang sedang beroperasi di Perak dan pelabur baru melibatkan Malayan Flour Mills Berhad (RM1.1 billion), Central Medicare

Sdn Bhd (RM600 Juta), Optotronics Semiconductor Sdn Bhd (RM50 Juta), Smart Paint Manufacturing Sdn Bhd (RM50 Juta) dan Top Glove Berhad (RM100 Juta).

34. Kemasukan pelaburan ini adalah manifestasi kepada keyakinan pelabur terhadap kestabilan politik di Negeri kita dan ini membuktikan betapa pentingnya kita sebagai Ahli Dewan Negeri untuk memastikan kestabilan Kerajaan Negeri terpelihara bagi menjamin pelaburan. InsyaAllah, jika kita terus berganding bahu, bersama memacu harapan rakyat, pelaburan dijangka akan terus meningkat di dalam sektor-sektor utama pembuatan seperti berikut:

**i. Sektor berasaskan getah**

- Pengeluaran sarung tangan melibatkan beberapa projek baru dan pembesaran di Negeri Perak dengan nilai pelaburan antara RM2.0 bilion hingga RM3.0 bilion. Ini melibatkan syarikat-syarikat besar seperti Kossan Rubber Industries, Central Medicare, Professional Latex, YTY Group, Eco Medigloves dan Comfort Rubber; dan
- Pembesaran kilang Toyo Tyres yang melibatkan pelaburan sebanyak RM800 juta di Kamunting.

**ii. Sektor elektrik dan elektronik** bagi memenuhi permintaan pasaran eksport melibatkan pelaburan tambahan bernilai RM450 juta (Murata Electronic).



**iii. Sektor automotif** melibatkan pelaburan tambahan antara RM1.0 bilion hingga RM2.0 bilion (Proton, Geely dan Vendor).

**iv. Sektor fabrikasi kejuruteraan dan limbungan kapal (*Shipbuilding*)** melibatkan pembesaran operasi syarikat-syarikat sedia ada bernilai RM530 juta.

**v. Pembangunan Projek Infrastruktur**

Dalam pada itu, beberapa projek infrastruktur baru yang sedang dalam pembangunan dijangka akan melonjakkan aktiviti ekonomi dan pelaburan di Negeri Perak pada masa akan datang. Sebagai contoh:

- a. Projek Rangkaian Paip Gas Asli dari Ayer Tawar ke Lembah Kinta; dan
- b. Projek Lebuhraya Persisir Pantai (West Coast Expressway-WCE).

Dato Yang DiPertua,

## **SEKTOR PERTANIAN**

34. Sektor pertanian memberikan sumbangan ketiga tertinggi kepada KDNK Negeri dengan jumlah RM10.7 billion, iaitu 16.7 peratus daripada keseluruhan KDNK Negeri.

## **AGRO (Pertanian, Penternakan dan Perikanan)**

35. Kerajaan Negeri memberi jaminan, nasib golongan petani, penternak dan nelayan di Perak tidak akan diabaikan, malahan terus mendapat pembelaan. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan sektor ini terus dipermodenkan bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan ini yang berperanan besar dalam memenuhi agenda jaminan bekalan makanan negara (*food security*). Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan **RM14.4 juta bagi pengukuhan sektor pertanian, penternakan dan perikanan.**

## **PERTANIAN**

36. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM7 juta bagi Jabatan Pertanian.**
37. Dalam program pembangunan geospatial pertanian Negeri Perak, kawasan padi di Lambor akan dijadikan sebagai projek teraju dalam mengesan keluasan sebenar penanaman padi menggunakan imej udara. Dengan adanya teknologi ini, pengurusan pertanian terutamanya industri padi dapat diselia dengan lebih

sistematik dan terurus. Jabatan Pertanian juga dalam perancangan menggunakan imej daripada drone untuk memastikan kesinambungan penggunaan teknologi Geographical Information System (GIS) dalam sektor pertanian dapat dicapai.

38. Jabatan Pertanian merancang untuk mentransformasi dusun tradisional sedia ada kepada dusun moden dengan menukar pokok-pokok lama kepada pokok baru dengan klon-klon terpilih. Penukaran pokok dibuat melalui kaedah cantuman dewasa dan sulaman pokok yang telah mati. Sebagai permulaan, fokus akan diberi kepada dusun durian khususnya Klon D197 (*Musang King*) dan D24. Ini adalah selari dengan lonjakan permintaan durian di pasaran China yang kini bernilai berbilion ringgit. Sebagai contoh, menurut laporan berita, beberapa hari lalu dalam tempoh satu minit T-Mall, sebuah syarikat berkaitan dengan rangkaian AliBaba.Com telah berjaya menjual 80 ribu biji durian secara atas talian.

## **PERKHIDMATAN VETERINAR**

39. Empat strategi untuk meningkatkan sektor penternakan akan diteruskan dengan memberi tumpuan berikut:
- i. Pembangunan Industri Ruminan;
  - ii. Pembangunan Industri Bukan Ruminan;
  - iii. Pembangunan Perkhidmatan Veterinar; dan
  - iv. Pembangunan Kesihatan Ternakan, Kawalan Penyakit Zoonotik dan Pencemaran

### **Pembangunan Industri Ruminan**

40. Menerusi program pembangunan Industri Ruminan untuk tahun 2019, Kerajaan Negeri mengunjurkan penambahan populasi komoditi ternakan lembu dan pendapatan penternak. Dijangkakan melalui pemberian bantuan Pinjaman Ternakan Tanpa Faedah (PINTAF) untuk 2019, dengan pemberian sebanyak 160 ekor lembu kepada 16 orang peternak dijangkakan pada tahun 2020 sehingga 2024 penghasilan anak adalah sebanyak 487 ekor dengan nilai RM 1.5 juta.
  
41. Industri tenusu Negeri Perak juga akan terus dimantapkan dengan mengadakan program bersepadu dengan pihak Universiti tempatan dalam program pengembangan kepada para penternak.

### **Pembangunan Industri Bukan Ruminan**

42. Untuk industri bukan ruminan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi sokongan dalam bentuk latihan dan bekalan benih puyuh dengan harga yang berpatutan kepada penternak dan pengusaha puyuh. Untuk tahun 2019, dijangkakan pengeluaran anak puyuh sebanyak 150,000 ekor setahun dan dapat memberi manfaat kepada 20 orang penternak puyuh.

### **Pembangunan Perkhidmatan Veterinar**

43. Dalam program pembangunan perkhidmatan veterinar, fokus diberikan bagi membaiki infra kesemua pejabat di daerah. Selain itu, pelbagai latihan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2019 meliputi Kursus Asas Ternakan, Kursus Ternakan

Lanjutan dan juga Kursus Keusahawan yang akan diberikan kepada seramai 2,500 orang peserta.

44. Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM3.6 juta bagi Pembangunan Perkhidmatan Veterinar, RM1.2 juta Pembangunan Industri Ruminan dan RM1.2 juta bagi Pembangunan Kesihatan Ternakan serta Industri Bukan Ruminan.**

#### **PERIKANAN**

45. Bagi sektor perikanan darat, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM300 ribu untuk pengurusan sumber perikanan darat dan RM100 ribu untuk pembangunan ikan hiasan.** Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan **RM1 juta untuk pembinaan Pusat Konservasi Penyu di Segari.**

Dato' Yang DiPertua,

#### **PERHUTANAN**

46. Sejak tahun 2015, Perak berjaya mengekalkan peratus keluasan litupan Hutan Simpan Kekal (HSK) berbanding keluasan tanah negeri yang tertinggi di Semenanjung iaitu sebanyak 48.6 peratus (seluas 991 ribu hektar) di ikuti Pahang Terengganu dan Kelantan. Bagi menjamin kelestarian sumber Negeri terjaga dan terpelihara, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM6.0 juta untuk Jabatan Perhutanan Negeri Perak** bagi meneruskan agenda tersebut.

47. Tumpuan akan diberikan kepada penjanaan kekayaan baru daripada sumber hutan dan tidak menumpukan kepada hasil kayu-kayuan semata-mata. Ini adalah seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk melestarikan khazanah alam terutamanya hutan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Negeri. Strategi baru telah digariskan khusus dalam Pembangunan dan Pengurusan Perkhidmatan ekopelancongan di semua Hutan Taman Eko Rimba atau Hutan Lipur Negeri. Keunikan dan keindahan setiap taman-taman eko rimba akan diketengahkan sebagai sumber penjanaan ekonomi.
  
48. Untuk tahun 2019, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tiga lokasi yang sesuai untuk dilaksanakan Program Perhutanan Sosial melibatkan Kawasan Hutan Simpanan Kekal iaitu di Kuala Mu, Daerah Kuala Kangsar, Kampong Bongor, Daerah Hulu Perak dan Lekir di Daerah Manjung. Di bawah konsep Perhutanan Sosial ini, komuniti setempat boleh menggunakan keunikan alam semulajadi untuk menjana pendapatan di samping memelihara kawasan tersebut. Program ini akan memberi impak positif kepada Kerajaan Negeri terutamanya dalam menyokong dan mewujudkan mekanisme perkongsian faedah yang lebih sistematik. Pelaksanaan Program Perhutanan Sosial ini merupakan yang pertama seumpamanya di Semenanjung Malaysia dan bakal menjadi produk penting bagi Negeri Perak.
  
49. Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan kaedah-kaedah baru, termasuk memperkenalkan caj-caj untuk menampung kos melestarikan dan memelihara khazanah hutan.

50. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan caj-caj baharu seperti Payment for Ecosystem Services (PES) atau Bayaran Perkhidmatan Ekosistem. Caj ini adalah caj berbentuk jaminan kepada Kerajaan Negeri untuk melindungi dan memulihara kawasan berhutan atau berbentuk *compensation* ke atas penukaran fungsi hutan sebagai penjana perniagaan mereka contohnya perusahaan akuakultur, perlombongan, jalan-jalan lebuhraya atau sebagainya dan bukan bertujuan mengaut keuntungan. Kelestarian sumber hutan bermakna aspek ekonomi, sosial dan kestabilan hasil alam sekitar perlu seimbang maka caj-caj 'hijau' seumpama ini perlu diperkenalkan.
51. Bagi meningkatkan dana untuk memelihara pokok-pokok hutan, sebagai permulaan, Kerajaan Negeri akan mempelawa badan korporat dan orang awam untuk menjadikan pokok-pokok hutan di Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Simpan Chikus sebagai pokok angkat. Menerusi program ini, badan korporat dan orang awam berpeluang memberi sumbangan dengan menaja kos pemeliharaan pokok.
52. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan juga akan mempergiatkan usaha mempermudah pengeluaran permit memasuki hutan simpan dengan kaedah terbaharu iaitu permohonan secara atas talian dan kerjasama dengan pelbagai agensi lain.

## **INFRASTRUKTUR**

53. Pembangunan infrastruktur yang memberi manfaat khusus kepada rakyat, dan seterusnya kepada sektor industri juga diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri bagi membolehkan ekosistem penggerak ekonomi ini terus berkembang. Bagi meneruskan kelangsungan pembinaan infrastruktur baik untuk ekonomi mahu pun rakyat, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM90 juta kepada Jabatan Kerja Raya** bagi membina baru, menaiktaraf dan memperelok jalan, jambatan dan bangunan.

54. Antara projek utama adalah seperti berikut:-

- i. Projek membina baru laluan susur di Kawasan Perindustrian Bebas (FTZ) Kinta, Klebang, Daerah Kinta sebanyak RM9 juta. Setelah siap, projek ini akan menguraikan aliran trafik dari arah Chemor ke Ipoh di persimpangan Kawasan Perindustrian Bebas (FTZ) yang amat sesak pada waktu puncak yang dapat melegakan kesesakan trafik arah Ipoh dengan cepat dan berkesan;
- ii. Projek pembinaan jalan baru dari Tanjung Rambutan (A13) ke Laluan Persekutuan FT001 memendekkan jarak perjalanan dari Tanjung Rambutan ke Klebang daripada 18 kilometer kepada 5 kilometer sahaja bersamaan penjimatan masa daripada 33 minit kepada 8 minit; dan



- iii. Selain itu, akan juga dibina **jalan baru dengan peruntukan RM10 juta, membina dan memperelok jalan masuk ke kawasan perindustrian RM1.0 juta, memperelok, melebar dan menaik taraf jalan sedia ada RM24 juta dan rawatan kawasan kemalangan (blackspot) dan pencahayaan RM3 juta;**
  
- iv. Bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan projek-projek penyelenggaraan jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan di kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan menggunakan peruntukan Malaysia Road Registration Information System (MARRIS). Bagi tujuan tersebut, dianggarkan sebanyak RM500 juta akan dibelanjakan berdasarkan kepada peruntukan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

## **PENGAIRAN DAN SALIRAN**

- 54. Sebagai Kerajaan yang prihatin, **Rancangan Tebatan Banjir Dan Saliran Bandar** akan diperkasakan lagi dengan projek-projek yang lebih efektif dan **RM8.5 juta** telah disediakan bagi maksud berkenaan. Selain itu, **RM8.2 juta turut diperuntukkan bagi pengurusan dan pemuliharaan sungai-sungai Negeri Perak.** Bagi membantu golongan petani, **RM2.0 juta diperuntukkan bagi menaiktaraf saliran pertanian** dan **RM0.5 juta untuk lain-lain kerja saliran** menjadikan keseluruhan peruntukan yang disediakan kepada **Jabatan Pengairan dan Saliran** untuk projek bagi tahun 2019 adalah **RM19.2 juta.**

Dato' Yang DiPertua,

### **PROJEK INFRA PERSEKUTUAN DI NEGERI PERAK**

55. Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan 298 projek bernilai RM2.58 bilion untuk projek-projek pembangunan dan infrastruktur bagi tahun 2019 di bawah Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Ke-11. Jumlah ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding peruntukan pembangunan tahun 2018 iaitu RM1.62 bilion.

56. Alhamdulillah, kita bersyukur kerana di atas hubungan baik yang terjalin di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ini akan membawa manfaat yang besar buat rakyat Perak. Oleh itu, kita perlu jujur, andainya kapal bertukar nakhoda, adakah pihak di sebelah sana mampu membawa peruntukan seperti ini. Jangan sesekali lupa akan pesan orang tua-tua, jangan sampai yang dikejar tak sampai, yang dikendong pula berciciran. Ingatlah bahawa kuasa itu hak Allah SWT, dan Dialah yang memberi kuasa dan Dia jualah yang mencabut kuasa dari sesiapa yang dikehendaki-Nya.

57. Antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan itu adalah:
- i. Projek Perumahan Rakyat RM30 juta;
  - ii. Hospital Parit Buntar RM25 juta;
  - iii. Hospital Sri Iskandar RM9 juta;
  - iv. Klinik Kesihatan Manjoi RM8 juta;
  - v. Jambatan Manong RM15 juta;
  - vi. Projek Pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan dan Kampung Tradisional Perak serta Kampung Baharu RM43 juta;
  - vii. Projek Pembangunan Bersepadu Orang Asli di Sungai Siput Perak RM10 juta;  
dan
  - viii. Projek pembinaan jalan baru antara Kampung Beng ke Kampung Raja Intan Suraya RM9 juta.

### **PULAU PANGKOR SEBAGAI PULAU BEBAS CUKAI**

58. Pulau Pangkor merupakan antara salah satu destinasi pelancongan utama di Negeri Perak. Dengan kehadiran lebih daripada sejuta pelancong setahun pada tahun 2017, Kerajaan Negeri sedar akan potensi pulau berkenaan untuk dijadikan sebagai sebuah pusat pelancongan antarabangsa dengan hasil laut yang berkualiti serta pantai yang bersih dan selamat. Bagi terus merencanakan aktiviti ekonomi di Pulau Pangkor, Kerajaan Persekutuan menerusi perbentangan Bajet 2019 pada 2 November 2018 yang lalu telah meletakkan komitmen untuk mengisytiharkan Pulau Pangkor sebagai

Pulau Bebas Cukai. Dengan pengisytiharan tersebut, ia akan meletakkan Pulau Pangkor sebagai destinasi utama pelancongan negara.

Dato' Yang DiPertua,

## **FOKUS KEDUA - MEMACU KESEJAHTERAAN DAN EKONOMI RAKYAT**

59. Kerajaan Negeri komited untuk melaksanakan keadilan sosial buat rakyat negeri Perak tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Ini adalah sebagian dari akujanji Pakatan Harapan untuk membela nasib semua rakyat. Oleh itu, kerajaan negeri berhasrat memacu Kesejahteraan Dan Ekonomi Rakyat yang merangkumi setiap lapisan rakyat bermula dari bayi yang baru lahir sehingga ke akhir usia.

## **KESEJAHTERAAN**

60. Bagi membela nasib rakyat, saya mencadangkan peruntukan **RM78.9 juta** disediakan di bawah Bajet 2019 untuk program-program membantu golongan sasaran. Ini adalah bertepatan dengan manifesto Pakatan Harapan untuk membela nasib rakyat Perak yang memerlukan.

## **PEMBASMIAN KEMISKINAN**

61. Selain daripada memastikan pembangunan yang mampan di negeri ini, turut menjadi agenda utama Kerajaan Negeri adalah untuk membasmi kemiskinan dan menjamin

kesejahteraan rakyat. Justeru, pelbagai usaha dan program bantuan telah dijalankan agar kemakmuran negeri ini dapat dirasai oleh semua lapisan rakyat.

62. Setakat ini, sejumlah 48,486 Ketua Isi Rumah di Perak telah pun berdaftar dengan sistem e-Kasih. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,712 Ketua Isi Rumah berstatus miskin, 157 Ketua Isi Rumah berstatus miskin tegar manakala baki 46,617 Ketua Isi Rumah telah terkeluar hasil daripada program-program pembasmian kemiskinan, yang turut meliputi golongan B40. Hasil daripada proses verifikasi yang dilaksanakan ke atas mereka golongan yang berdaftar ini, terdapat permohonan sebanyak 4,546 bagi bantuan baik pulih rumah dan 2,206 bantuan bina baru rumah yang akan diatasi melalui program di bawah Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) dan Yayasan Perak.

### **BANTUAN KEPADA B40, MISKIN DAN MISKIN TEGAR**

63. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran mewarisi masalah-masalah yang ditinggalkan oleh pentadbiran terdahulu, Kerajaan Negeri tetap komited untuk melaksanakan program untuk membela nasib golongan yang memerlukan dari kumpulan B40, miskin dan miskin tegar. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan **Kad Makanan dan Kad Kesihatan, dengan peruntukan RM22 juta** kepada 17 ribu penerima bermula 2019.
64. Kemudahan ini akan diselaraskan di bawah Yayasan Perak dengan penyediaan nilai Kad Makanan RM80.00 sebulan dan Kad Kesihatan berjumlah RM300.00 setahun kepada setiap penerima. Bantuan yang pertama kali diperkenalkan di Perak ini

adalah tambahan kepada bantuan pemberian **Kotak Harapan yang disediakan dengan peruntukan RM1 juta**. Ini adalah contoh konsep bantuan bersasar yang benar-benar dapat membantu golongan yang memerlukan, berbanding pemberian wang tunai. Pada masa yang sama ia dapat mengelakkan penyalahgunaan bantuan oleh sesetengah penerima, yang akhirnya membuatkan bantuan yang diberikan tidak mencapai matlamat.

65. Buat julung kalinya, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk memperuntukkan **RM0.5 juta** bagi **Program Kesedaran Kesihatan** seperti Kesedaran Menderma Darah dan Gaya Hidup Sihat.
66. Kerajaan Negeri akan meneruskan **Program Takaful Tabarruk** dengan peruntukan **RM2 juta** bagi meringankan beban waris kepada golongan yang berpendapatan rendah. Golongan sasar antara lain terdiri daripada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), OKU yang berdaftar dengan JKM, Ketua isi rumah Orang Asli, penerima bantuan bulanan Baitulmal, Imam, Paderi, Sami serta warga emas berumur 60 tahun ke atas.
67. Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan sebanyak **RM38.09 juta** bagi membantu rakyat yang tidak berkemampuan dan semoga bantuan yang disediakan ini dapat meringankan beban serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, **Bantuan Pusat Jagaan Warga Tua** ditingkatkan kepada **RM200 ribu** pada tahun 2019 berbanding RM150 ribu pada tahun 2018 manakala **Bantuan Rumah Anak Yatim kekal pada RM1.0 juta**, sumbangan kepada **Program Pembangunan**

**Wanita dan Kebajikan adalah sebanyak RM2.0 juta** serta **Bantuan Wang Tunai Perayaan adalah sebanyak RM1.0 juta.**

68. Walaupun keupayaan kewangan Kerajaan Negeri adalah terhad, namun ini tidak menghalang Kerajaan Negeri daripada terus menyediakan bantuan yang diperlukan oleh rakyat. Memahami dan menelusuri denyut nadi rakyat merupakan tunjang kepada penyampaian perkhidmatan Kerajaan kini.
69. Oleh itu, **Peruntukan Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat** bagi 2019 dinaikkan kepada **RM33.89 juta** bertujuan agar lebih ramai rakyat Negeri ini dapat meneruskan kehidupan harian walaupun dihimpit dengan kemiskinan, terutama bagi rakyat yang berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) RM930 sebulan.
70. Peningkatan peruntukan berjumlah RM3 juta ini adalah bagi melaksanakan program-program baru yang menyantuni rakyat secara lebih bersasar seperti berikut:-
  - i. Untuk pertama kali dalam sejarah penubuhan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Malaysia, Kerajaan Negeri Perak dengan ini mengumumkan peruntukan sebanyak **RM1.5 juta kepada 41 buah PPDK**. Sumbangan peruntukan daripada Kerajaan Negeri adalah yang pertama di Negara ini. Dengan peruntukan secara bulanan atau berkala, setiap PPDK boleh menjemput pakar-pakar luar yang mahir dalam perkembangan awal atau dengan izin early intervention kanak-kanak kelainan upaya ini. Bantuan bulanan ini diharapkan akan mampu meningkatkan potensi anak-anak istimewa yang

mungkin selama ini tidak menyerlah lantaran kurang pendedahan atau asahan untuk menonjolkan kelebihan yang ada. Pada masa yang sama, komuniti korporat turut diminta untuk melibatkan diri dalam program membangun dan membantu golongan-golongan istimewa ini;

- ii. Geran berjumlah **RM1.0 juta** diperuntukkan khusus kepada **43 Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)** berdaftar bagi memperkasakan lagi operasi dan menyebarkan lagi penyampaian pertubuhan kepada golongan sasar; dan
  - iii. Pemberian **Bantuan Bencana RM0.5 juta** diperkenalkan untuk tahun 2019, bagi pemberian kit peribadi di pusat bantuan bencana, dan bantuan-bantuan peralatan lain kepada mangsa bencana. Kerajaan Negeri akan terus mencari jalan untuk menambahbaik prosedur operasi (SOP) di pusat bantuan bencana bagi memastikan kebajikan rakyat sentiasa terbela.
71. Bagi program perpaduan dan meningkatkan keselamatan komuniti, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan seperti berikut:
- i) **RM0.75 juta bagi Program Pembasmian Najis Dadah;**
  - ii) **RM0.5 juta bagi Program Pencegahan Jenayah; dan**
  - iii) **RM0.5 juta bagi Program Perpaduan di bawah Rukun Tetangga.**



72. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh **Badan Bukan Kerajaan (NGO)** dalam memperjuangkan kebajikan dan manfaat kepada golongan sasaran termasuk Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA). Oleh yang demikian, **RM3.0 juta** diperuntukkan bagi maksud tersebut.
73. Kerajaan Pakatan Harapan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada rakyat Negeri ini yang menyahut seruan arus perubahan sekaligus memberi kejayaan kepada Pakatan Harapan untuk menubuhkan Kerajaan di peringkat Negeri dan Persekutuan.
74. 7Sebagai tanda terima kasih kepada semua rakyat yang memberi kepercayaan kepada Kerajaan baru ini, peruntukan kepada **Pusat Khidmat DUN** dinaikkan dari RM50 ribu setahun kepada RM60 ribu setahun untuk tahun 2019. Malahan kenaikan ini juga diberikan kepada semua Pusat Khidmat DUN pembangkang. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkemaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di semua Pusat Khidmat DUN. Maka sejumlah **RM3.54 juta** disediakan bagi maksud ini.
75. Kepada ahli-ahli **Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)** yang telah dilantik sebahagiannya bermula 1 Ogos 2018, sebanyak **RM4.15 juta** disediakan untuk tahun 2019 sebagai geran pengurusan kepada 829 MPKK. Bagi yang telah dilantik sejak bulan Ogos, Kerajaan Negeri memutuskan untuk membayar elaun mereka untuk dua bulan tersebut.

76. Kerajaan juga menyediakan inisiatif-inisiatif bagi memperkasakan usahawan di Negeri ini. **Program Bantuan Pinjaman Tabung Usahawan RM5 juta** disediakan untuk golongan sasaran iaitu di kalangan usahawan dan usahawan muda B40 bagi menjadi batu loncatan untuk usahawan kecil ini mengembangkan perniagaan mereka. Bagi maksud itu, pemilihan penerima akan diperkemaskinikan dan penerima akan sentiasa dipantau oleh Kerajaan bagi memastikan program ini mencapai matlamat pemberiannya.
77. Selain itu, **RM0.72 juta** disediakan bagi **Pembangunan Usahawan serta pelbagai Program Penggalakan Usahawan**. Ini bagi membolehkan usahawan sedia ada dibimbing dan disiap siagakan untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi.
78. Bagi memperkemas penyampaian bantuan dan pelbagai inisiatif berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri telah memusatkan semua bantuan dan inisiatif tersebut kepada Yayasan Perak. Ini sebahagian dari langkah-langkah kerajaan untuk merekayasa (*reengineering*) pemberian bantuan agar lebih bersasar dan sistematik. Yayasan Perak akan diperkasa dan diperhebatkan bagi meneraju pembangunan sosial di Negeri Perak.

## **Belia dan Sukan**

79. Perak telah menjadi tuan rumah Sukan Malaysia Edisi ke Sembilan Belas (SUKMA XIX Perak 2018) pada September yang lepas. Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan RM235.9 juta bagi memastikan penganjuran SUKMA 2018 berjaya menjadi antara yang terbaik dalam sejarah penganjuran. Kos ini meliputi pembangunan infrastruktur sukan di 12 Daerah dan juga belanja pengurusan. Buat pertama kalinya, Negeri Perak mempunyai 11 fasiliti sukan yang memenuhi piawaian spesifikasi badan sukan antarabangsa seperti, Pusat Akuatik Tuanku Zara, Arena Lapang Sasar Menembak dan Stadium Hoki Sultan Azlan Shah. Infrastruktur-infrastruktur sukan yang tersedia ini akan digunakan sepenuhnya oleh rakyat bagi penganjuran sukan, program-program komersial serta pembudayaan gaya hidup sihat. Ini secara tidak langsung, dapat menarik pengunjung ke lokasi-lokasi ini, dan mewujudkan ekonomi hiliran di kawasan tersebut. Ini juga dapat dimanfaatkan oleh rakyat negeri Perak.
80. Tahniah kepada semua atlet, jurulatih, pengurus pasukan dan semua yang terlibat baik di hadapan mahu pun di belakang tabir yang berjaya menjadikan Perak di tempat kelima terbaik dari segi pungutan pingat. Kita berjaya mendapatkan 37 pingat emas, 50 pingat perak dan 56 gangsa. Dengan kejayaan ini, Kerajaan Negeri memberikan **Insentif SUKMA RM794 ribu** sebagai penghargaan.
81. Tahun ini juga menyaksikan Negeri Perak menjuarai Piala Malaysia selepas kemarau selama 17 tahun dan dapat mempertahankan kejuaraan kejohanan hoki Piala Razak. Bagi menghargai komitmen pasukan, Saya bagi pihak Kerajaan Negeri dengan ini

mencadangkan **Insentif Kejuaaraan RM304 ribu** untuk **Pasukan Bolasepak Perak (Bos Gaurus)** dan **RM102 ribu untuk Pasukan Hoki Perak**.

82. Kerajaan Negeri juga merancang untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan yang berkualiti untuk melahirkan dan mencungkil bakat baru (*Talent Identification-TID*) bagi mencari pelapis atlet untuk mewakili Negeri khususnya dan Negara. Ini termasuk sukan baru iaitu e-sport dan sukan ekstrem di Negeri Perak. Suka saya maklumkan juga pada waktu Temasya Sukan Malaysia, kita telah melaksanakan satu program e-sports yang telah dihadiri seramai 2,000 peminat e-sports. Baru-baru ini juga, salah seorang atlet e-sports bertaraf antarabangsa iaitu Bruce Yeik Nai Zheng telah mendapat tempat kedua di dalam acara yang prestij iaitu Kuala Lumpur Major. Bruce Yeik atau dikenali sebagai MidOne berasal daripada Bagan Serai dan bermain di Eropah bersama Team Secret. Ini menunjukkan bahawa sukan e-sports ini berpotensi besar untuk dikembangkan dan menjadi salah satu penggerak ekonomi digital di negeri Perak.

83. Pada masa yang sama, kemudahan-kemudahan yang tersedia ini membolehkan Kerajaan Negeri menganjurkan sukan-sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa secara terancang dan berkala, mewujudkan budaya sukan di kalangan masyarakat dan ini akan menggalakkan pengamalan gaya hidup sihat kepada rakyat.

84. Selaras dengan hasrat menjadikan Bandaraya Ipoh sebagai dengan izin, *one stop centre* hab sukan. OSC ini akan menjadi tumpuan pencinta sukan untuk mencari

keperluan dan barangan perkhidmatan sukan dengan adanya kompleks membeli belah yang lengkap untuk barangan sukan mahu pun perkhidmatan berkaitan.

### **Kids Athletics**

85. Pada Oktober yang lepas, buat pertama kalinya di Malaysia, satu penganjuran sukan khusus kepada anak-anak yatim telah diadakan di Negeri Perak iaitu Kids Athletics. Kejohanan ini diadakan bagi memberi harapan kepada anak-anak yatim yang tidak berkemampuan untuk turut menyerlahkan bakat yang terpendam di arena sukan. Kejohanan ini akan dijadikan acara tahunan dan akan dimasukkan ke dalam kalendar Negeri. Penganjuran ini berpotensi melahirkan atlet muda yang berbakat untuk mewakili Negeri dalam acara sukan.
86. Bagi menggalakkan aktiviti sukan dan kebudayaan di kalangan rakyat Negeri Perak, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM5.8 juta** untuk program-program berikut:-
- i) Sukan Pelancongan RM1.2 juta;**
  - ii) Sukan Massa RM1.3 juta;**
  - iii) Sukan OKU RM0.5 juta;**
  - iv) PORT RM1.0 juta;**
  - v) Majlis Kebudayaan Negeri (MKN) RM0.8 juta; dan**
  - vi) E-sport RM1.0 juta.**

87. Tidak dinafikan belia merupakan tunjang dan tonggak masa depan sesebuah negara dan bangsa. Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui **Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)**, akan meneruskan program-program memperkasa belia seperti **AKADEMOS**, **Hab Belia Perak**, **Kemuncak Belia Perak (*Youth Summit*)**, **Jaringan Belia Perak**, **Program Mentor Keusahawanan**, **Program Kesukarelawan dan Turun Padang**, **Program Pengurusan Tekanan**, **Portal Belia** dan **Program Kerjaya Perindustrian**.
88. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyediakan sejumlah peruntukan bagi aktiviti belia dan mahasiswa seperti pecahan berikut:-
- i) Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) RM2.5 juta;**
  - ii) Pengupayaan Generasi Muda RM3.5 juta;**
  - iii) Pengupayaan Mahasiswa RM0.6 juta;**
  - iv) Program Sumber Manusia RM0.5 juta;**
  - v) Dewan Belia RM0.5 juta; dan**
  - vi) Bantuan Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa RM1.7 juta.**
89. Kerajaan Negeri berharap dengan adanya pelbagai program yang akan diteruskan dan dilangsungkan pada tahun 2019, belia Perak akan dapat diperhebat dan diperkasakan lagi dari pelbagai sudut. Hal ini kerana Kerajaan Negeri dengan tekad dan nafas baru ingin bersama-sama golongan belia di dalam membangun dan menyediakan mereka bagi menghadapi dunia luar yang pastinya akan lebih

mencabar. Program-program yang akan diadakan ini pastinya akan dapat melengkapkan para belia untuk menjadi insan yang berilmu, berkeyakinan, berjiwa besar dan terbuka, berfikiran positif, mempunyai idea pemikiran yang kreatif, kritis dan berinovasi.

90. Kerajaan Negeri percaya bahawa golongan belia ini mampu memberikan sumbangan kepada Malaysia khususnya kepada Negeri Perak demi pembangunan mampan yang lebih inklusif dan berjaya. Bermula tahun hadapan juga, Kerajaan Negeri akan menggerakkan kembali Majlis Sukan Daerah bertujuan menyelaraskan program-program di peringkat daerah. Begitu juga **Perbadanan Sukan** akan ditubuhkan dengan peruntukan permulaan **RM1 juta** untuk kawalan dan penyelenggaraan secara berpusat aset-aset sukan.

Dato' Yang DiPertua,

## **TANAH**

91. Kerajaan Negeri memahami masih ramai di kalangan rakyat di negeri ini belum mampu memiliki rumah pertama. Kerajaan Negeri amat mengambil berat terhadap rayuan dari rakyat yang masih menanti mendapat geran milikan. Pemberian hak milik ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberikan keadilan sosial kepada rakyat yang berkecukupan. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan nasib rakyat dibela.

## **Lanjutan Remitan Cukai Tanah Sehingga Tahun 2020**

92. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian remisyen cukai untuk bangunan kediaman, tanah pertanian berkeluasan 40 hektar dan ke bawah serta bangunan perindustrian sehingga tahun 2020. Ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 594 ribu pemilik yang berjumlah hampir RM10 juta setahun.

## **Pemberimilikan Tanah Kepada Pemegang Lesen Menduduki Sementara Kediaman**

93. Pemilik Lesen Menduduki Sementara (LMS) yang menduduki kawasan sempadan pantai di Daerah Kerian, Larut Matang, Manjung, Hilir Perak dan Bagan Datuk, serta tanah-tanah rizab Kerajaan yang tidak lagi digunakan, akan diberikan hakmilik secara berperingkat setelah dibanci dan layak oleh Pejabat Tanah dan Daerah serta Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak. Masalah yang berlarutan sekian lama akan diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2019.

## **Hak Milik 99 Tahun**

94. Kerajaan Negeri turut menawarkan kepada pemilik tanah kediaman di Kampung Baru, Kampung Tersusun, kawasan Rancangan Perumahan FELDA dan FELCRA serta Kampung India untuk memohon sambungan hak milik kepada 99 tahun dengan insentif bayaran premium secara diskaun.



## **Program Perumahan Masyarakat Setempat (PPMS)**

95. Kerajaan menyedari bahawa PPMS telah pun dilaksanakan puluhan tahun dan kebanyakan penduduk telah mendiami kawasannya sekian lama. Sehingga kini, mereka tidak mendapat hakmilik. Kerajaan Negeri memahami denyut nadi rakyat dan akan memberikan geran hakmilik tanah kepada mereka yang berkeelayakan. Setakat ini Kerajaan Negeri telah menyerahkan geran kepada penduduk dari dua buah kampung PPMS manakala baki sebanyak 50 buah kampung akan dikeluarkan geran hakmilik secara berperingkat.

## **Pelaksanaan Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik (e-tanah)**

96. Bagi meningkatkan kecekapan urus tadbir tanah Negeri serta mempercepatkan proses pengeluaran hak milik untuk permohonan yang telah diluluskan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan sistem pentadbiran tanah secara elektronik (e-tanah) bermula Julai tahun 2019. Perak adalah negeri pertama melaksanakan sistem ini selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sistem Elektronik Bersepadu ini akan mempercepat dan meningkatkan lagi keberkesanan urusan-urusan pentadbiran tanah.

## **PERUMAHAN**

Dato' Yang Dipertua,

### **RANCANGAN PERKAMPUNGAN TERSUSUN**

97. Di dalam kawasan Parlimen Tambun dan kawasan DUN Ulu Kinta, Kerajaan Negeri telah pun memulakan satu usaha Rancangan Perkampungan Tersusun melibatkan tanah seluas 81 ekar (490 lot) dan pembinaan sebanyak 1,200 buah Rumah Mampu Milik beserta sebuah Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan. Ini akan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pertumbuhan baharu. Pembangunan ini akan menasarkankan keperluan bagi golongan veteran Tentera, Polis dan Bomba. Ini merupakan salah satu contoh usaha secara agresif daripada pihak Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah permintaan perumahan.
  
98. Kerajaan Negeri juga prihatin keperluan pembangunan infrastruktur khusus untuk manfaat rakyat. Misalnya, pembangunan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) kerap dihimpit kos pembangunan infrastruktur asas yang tinggi dan kos demikian selama ini dcaj balik kepada peserta. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah buat pertama kalinya memperuntukkan RM5 juta khusus bagi pembangunan infrastruktur di RPT.
  
99. Bagi memenuhi keperluan rakyat yang terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana dan rendah, bilangan rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik akan ditambah dengan peruntukkan RM71.7 juta. Diharap rumah-rumah yang dibina

ini akan dapat disiapkan mengikut perancangan dalam kita memenuhi keperluan perumahan kumpulan B40 terutamanya mereka yang masih belum memiliki rumah. setakat ini jumlah pendaftaran yang diterima dari tahun 2014 sehingga 2018 adalah 9,744 pemohon.

100. Daripada jumlah itu, RM50.0 juta adalah daripada peruntukan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri di bawah kendalian Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) dan **RM15.0 juta di bawah Yayasan Perak bagi Program Sayangi RumahKu** serta **Program Rumah Harapan** dan 100 unit **Kuarters Penjawat Awam di Muallim dengan peruntukan berjumlah RM6.7 juta.**

101. Dari aspek pembangunan perumahan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Perumahan Mesra Milik di kawasan seluas 10 Hektar di Tronoh. Sebanyak 321 unit rumah akan dibangunkan berkeluasan 1,200 kaki persegi pada harga RM90 Ribu.

102. Bagi tahun 2018 dan 2019, Kerajaan Negeri akan terus melancarkan rumah mampu milik iaitu Rumah Perakku pada harga di bawah RM250 ribu seunit. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan rumah kos rendah dan sederhana bagi mencapai matlamat sasaran Kerajaan Negeri membina 50 ribu unit rumah mampu milik dalam tahun 2018 sehingga tahun 2023.

103. Kerajaan Negeri komited untuk membangunkan 2,440 unit Rumah Perakku di tapak-tapak cadangan yang telah dikenal pasti di beberapa daerah di Negeri Perak bermula dari tahun 2017.
104. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah mengemukakan tapak-tapak yang strategik kepada Kerajaan Persekutuan bagi cadangan PPR untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi memperbanyakkan lagi rumah-rumah Program Perumahan Rakyat di seluruh Negeri Perak.

#### **PEMBANGUNAN BANDAR DAN LUAR BANDAR**

105. Peruntukan bagi projek-projek kecil luar Bandar, **Projek-Projek Kecil Khas Menteri Besar** dan peruntukan khas daerah disebarluaskan lagi dengan peruntukkan **RM7.1 juta** untuk tahun 2019. Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan **RM2.38 juta** untuk menyokong **Perkhidmatan Pengangkutan Awam** terutama di kawasan luar Bandar.
106. Manakala, bagi kerja **Pembangunan Infrastruktur Bandar, Perbandaran, Kemudahan Awam Dan Lain-Lain Projek**, telah disediakan **RM5.64 juta**. Jumlah ini melengkapkan RM20.12 juta yang telah disediakan di bawah Sektor Infrastruktur Rakyat ini.

107. Sebagai tambahan, **RM6 juta** disediakan bertujuan untuk **Pengambilan Balik Tanah** bagi membolehkan pembangunan infrastruktur yang mampu memberi manfaat terus kepada rakyat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

## **BEKALAN AIR**

108. Kerajaan Negeri komited untuk menyelesaikan keperluan prasarana bekalan air bersih yang berkualiti serta berterusan. Untuk itu, bagi tahun 2019, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Air Perak (LAP) telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM105.0 juta, meningkat sebanyak 9.0 peratus dari tahun 2018. Antara projek-projek utama adalah program pengawalan dan Pengurusan Non-Revenue Water (NRW) RM11.70 juta, projek Bekalan Air Larut Matang dan Selama RM10.0 juta dan Projek Bekalan Air Hulu Perak Fasa III RM9.5 juta.

109. Di bawah program Tanggung Jawab Sosial (CSR), mulai 1 Ogos 2018, Kerajaan Negeri telah menambah baik program ini dengan meningkatkan bilangan penerima yang layak bagi program air percuma, meningkatkan kuantiti air percuma dari 20 meter padu kepada 25 meter padu sebulan kepada lebih 30,000 keluarga dari kumpulan B40 dan pemberian 10 peratus diskaun untuk penggunaan sehingga 20 meter padu sebulan kepada semua pengguna domestik. Di bawah program ini, LAP akan membiayai sebanyak RM8.12 juta setahun dengan penerima faedah 680 ribu pengguna domestik.

## **PENDIDIKAN**

110. Kerajaan Negeri memberi penekanan serius kepada pembangunan modal insan Negeri Perak. Justeru, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM61.35 juta** untuk **Pendidikan**, antara peruntukan terbesar dalam belanjawan Negeri. Daripada jumlah itu, **RM16.85 juta** adalah untuk program-program baru bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak Perak. Bantuan yang akan diperkenalkan adalah:

- (i) **Bantuan kepada SUWA** diperkenalkan mulai tahun 2019 dan menjadikan keseluruhan bantuan tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil, Mubaligh dan SUWA **sebanyak RM4.8 juta** setahun. Peruntukan bagi **Tabung Pendidikan Kaum India** masih terus **disediakan sebanyak RM1.0 juta**;
- (ii) Bantuan kepada **Sekolah Tahfiz Swasta dan Sekolah Pondok** berjumlah **RM1.0 juta** setahun;
- (iii) **Murid Berkeperluan Khas (MBK)** mempunyai keperluan berbeza berbanding pelajar-pelajar di aliran perdana. Atas keprihatinan Kerajaan Negeri, sejumlah **RM1.05 juta** diperuntukkan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) ini meliputi aliran khas integrasi dan MBK di sekolah aliran perdana;

- (iv) Kerajaan Negeri juga memperkenalkan bantuan **Biasiswa Yang Amat Berhormat Menteri Besar** bermula tahun 2019 dengan peruntukan **RM2 juta**. Bantuan ini akan diberikan kepada pelajar anak Perak di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan pendapatan isirumah RM1,500 sebulan dan ke bawah. Bantuan ini akan diberikan secara one-off bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga dalam menyediakan persiapan untuk sesi baru persekolahan;
- (v) Sebagai menambahbaik kesediaan pelajar bagi menduduki peperiksaan SPM, Yayasan Perak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak akan melaksanakan buat pertama kalinya **Program Pembelajaran Abad ke 21 dengan peruntukan RM1.0 juta**;
- (vi) Kerajaan Negeri telah memulakan sesi *engagement* bersama mahasiswa Anak Perak di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk IPT di luar Negara. Sebagai permulaan, Sesi Ramah Mesra bersama Pelajar Anak Perak di Timur Tengah telah diadakan pada 18 hingga 28 Oktober yang lalu bagi membolehkan mahasiswa mengemukakan pandangan, luahan dan pertanyaan kepada delegasi yang hadir. Sesi *engagement* ini akan diteruskan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mendengar luahan mahasiswa di perantauan; dan
- (vii) Peruntukan di bawah Jabatan Kerja Raya meliputi **RM10 juta bagi pembangunan SMTDR** di dua lokasi baru iaitu di Tambun dan Sungai Manik.

Manakala, **RM13 juta** diperuntukkan bagi meneruskan pembangunan **Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR)** di Lenggong dan Tapah yang akan siap pada tahun 2019.

111. Selain itu, peruntukan kepada Yayasan Perak juga dinaikkan sebanyak RM0.7 juta kepada RM12.8 juta bagi tujuan meningkatkan nilai Bantuan Pendidikan Kepada Anak-Anak Perak. Bentuk-bentuk bantuan yang disediakan melalui Yayasan Perak adalah:

- ✓ Persediaan terutama dari aspek penyediaan kewangan bagi tujuan pendidikan perlu bermula dari awal. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyediakan **Tabung Simpanan Pendidikan Negeri (TASPEN) RM800 ribu** pada tahun 2019, peningkatan peruntukan sebanyak RM200 ribu. Bantuan bernilai RM200 kepada setiap bayi kelahiran Perak dengan pendapatan isirumah di bawah RM3 ribu sebulan. Bantuan ini berbentuk simpanan pendidikan di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPNI);
- ✓ Peruntukan untuk **Bantuan Dermasiswa Pendidikan Perak** juga dinaikkan RM500 ribu menjadikan jumlah peruntukan adalah **RM12 juta**. Dermasiswa ini adalah bantuan yang diberikan secara one-off kepada pelajar anak Perak yang mendapat tawaran menyambung pengajian ke peringkat Sijil, Asasi, Matrikulasi, Pra-Universiti, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam Negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini, RM10 juta akan disediakan bagi pengajian dalam negara dan RM2 juta bagi pengajian luar negara.



112. Kemudahan **Pinjaman Pendidikan Tanpa Faedah** oleh Kerajaan Negeri diteruskan dengan peruntukkan sebanyak **RM4.0 juta** kepada Kumpulan Wang tersebut.
113. Peruntukan kepada **Universiti Sultan Azlan Shah dikekalkan sebanyak RM16.0 juta**. Kerajaan Negeri akan menggerakkan usaha mendapatkan dana Kerajaan Persekutuan untuk kos operasi USAS.
114. Disamping itu, sumbangan kepada **Kelab Guru Dan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru** diteruskan bagi menampung kegiatan-kegiatan di sekolah sebanyak **RM1.2 juta**.
115. Peruntukan **RM3 juta** disediakan bagi **Membaikpulih Sekolah Agama Rakyat**.

## **ORANG ASLI**

116. Bagi membela nasib komuniti orang asli, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM2 juta** bagi **Program Kemasyarakatan Orang Asli dan Program Kecemerlangan Murid Orang Asli**. Ini bertujuan meningkatkan taraf pendidikan anak-anak orang asli dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti kesedaran peri penting pendidikan, masalah sosial dan lain-lain isu yang membelenggu orang asli. Selain itu, untuk meningkatkan

taraf sosio-ekonomi dan pendidikan masyarakat Orang Asli, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program Kampung Angkat melibatkan Badan Berkanun Negeri (GLC) dan juga sektor swasta. Melalui inisiatif ini, syarikat-syarikat berkenaan akan memberi sepenuh tumpuan memperkenalkan program-program bersesuaian meningkatkan taraf pendidikan komuniti Orang Asli dan serta program untuk menjana pendapatan. Objektif utama inisiatif ini adalah bertujuan untuk mewujudkan program pembangunan lestari untuk memajukan komuniti Orang Asli untuk jangkamasa panjang.

## **AGAMA**

117. Untuk Syiar Islam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM24.6 juta**. Daripada jumlah itu, **RM10 juta** diperuntukkan untuk **Pembinaan Dan Baik Pulih Masjid Dan Surau seluruh Negeri Perak**. Manakala bagi Pengurusan Hal Ehwal Agama Islam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM9.4 juta kepada Jabatan Agama Islam Perak** dan **RM4.9 juta kepada Jabatan Kehakiman Syariah**.

118. Bagi menghargai sokongan masyarakat Cina dan India terhadap Kerajaan Negeri, **RM10 juta** diperuntukkan bagi tujuan **Baik Pulih Rumah-Rumah Ibadat Bukan Islam, Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI) dan Kaum Sikh**.

Dato' Yang Dipertua,

### **FOKUS KETIGA - MENGGERAKKAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0**

119. Semakin kerap kita dengar ungkapan Revolusi Industri Keempat, di dalam mahupun di luar negara. Berbagai tafsiran ada diluar sana; adanya yang positif, ada yang negatif, kesemua setuju bahawasanya ia disruptif. Yang baik kita sedia terima, yang buruk kita hadapi bersama. Soalannya adalah sama ada kita dan anak muda kita bersedia?

120. Kesan disrupti teknologi akibat daripada revolusi industri keempat- yang tidak lagi bakal- malah sedang melanda- adalah bahawa kebanyakan pekerjaan yang sedia ada dalam pasaran ekonomi yang sedia ada akan pupus dalam beberapa tahun lagi. Apabila tenaga kerja manusia diganti oleh teknologi, robot, dan *artificial intelligence*, dimanakah golongan penganggur ini akan menemui perkerjaan? Apakah sektor-sektor ekonomi yang akan melangkaui revolusi industri ini?

121. Kerajaan negeri sedar bahawa Negara dan Negeri kita berada di satu persimpangan. Kita perlu pilih di antara dua jalan. Pertamanya adalah jalan lama dimana kita serah kepada kuasa pasaran untuk menentukan masa depan dan rezeki rakyat kita. Ataupun jalan baru ke arah sebuah ekonomi pasca revolusi indsutri yang sedang melanda ini dengan tenaga kerja yang mampu berkembang maju dalam realiti baru tersebut.

122. Kerajaan negeri berwawasan dan bertekad untuk bukan sahaja mengenal pasti sektor-sektor ekonomi yang akan kekal berkembang maju pasca revolusi industri keempat. Di antaranya adalah dalam bidang-bidang dan sektor-sektor seperti penjagaan, kesenian, kebudayaan, hiburan, pelancongan, aeroangkasa, teknologi pertanian, kesukanan, dan lain-lain. Semuanya adalah berasaskan keperluan dan manusia. inilah rekabentuk ekonomi masa depan Perak pasca resolusi industri- yang kita namakan ekonomi manusiawi.

123. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah untuk menarik pelaburan asing yang menggunakan *Artificial Intelligence, Robotic* dan *Internet Of Things* (IoT) untuk beroperasi di Negeri Perak. Sebagai permulaan dan asas kepada agenda Kerajaan Negeri untuk melonjakkan perkembangan pesat ekonomi digital ke satu tahap yang lebih tinggi serta meningkatkan daya saing Perak dalam menarik pelaburan bersesuaian dengan ekonomi masa hadapan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM4.4 juta**.

124. Daripada jumlah itu, **RM2.9 juta diperuntukkan kepada InvestPerak** bagi mengorak langkah meningkatkan kerjasama dengan MITI dan MIDA serta pemain industri bagi menggalakkan pembangunan Industri 4.0 di kalangan syarikat-syarikat tempatan. Ini termasuk menggalakkan penggunaan teknologi berkaitan Big Data, Penggunaan Robotik Dan Kepintaran Buatan (Artificial Intelligent), Integrasi sistem, Platform Inovasi Terbuka, Internet Pelbagai Perkara (Internet of Things) dan Keselamatan Siber. Bagi memenuhi harapan ini, Kerajaan Negeri melalui InvestPerak sebagai Centre of Investment (COI) telah menggerakkan usaha memudahcara

kemasukan para pelabur dari dalam dan luar Negara melalui kaedah kelulusan secara *fast track*.

125. Manakala baki **RM1.5 juta** diperuntukkan untuk **Pembangunan ICT** jabatan dan agensi Negeri. Dalam pada itu, agensi-agensi Kerajaan yang lain akan turut menyumbang kepada meningkatkan kesedaran dan pembangunan kapasiti masyarakat dalam mempersiapkan diri untuk memainkan peranan dalam Negeri Perak Pasca Revolusi Industri 4.0.

126. Selaras dengan itu, mulai tahun 2019, segala peruntukan untuk kajian dan penyelidikan (R&D) akan dipusatkan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri. Ini bertujuan untuk memastikan kajian dan penyelidikan oleh Jabatan, Agensi atau Institut Pendidikan Tinggi yang menepati hala tuju pembangunan Kerajaan Negeri.

127. Dalam menyelusuri arus kemodenan yang berpaksikan kepada Revolusi Industri 4.0, data merupakan antara aspek yang perlu diperkasakan. Kerajaan Negeri telah memulakan pembangunan Perak Data, yang merupakan sebuah portal data sosio-ekonomi. Portal ini akan membantu Kerajaan Negeri membuat keputusan-keputusan berasaskan data yang lebih tepat. Selain itu, Perak Data akan menjimatkan masa dan kos dalam membantu membentuk model perniagaan baru, membangunkan perkhidmatan inovatif dan memudahkan Kerajaan Negeri membuat keputusan berkenaan pelaburan dari dalam mahupun luar negara. Dari segi pentadbiran, ia

meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti bagi Kerajaan Negeri. **Institut Darul Ridzuan** sebagai agensi yang bertanggungjawab diperuntukkan **RM3.6 juta**.

Dato' Yang DiPertua

#### **FOKUS 4 - MELUASKAN JARINGAN STRATEGIK PEMBANGUNAN NEGERI**

128. Di bawah Fokus 4 iaitu Meluaskan Jaringan Strategik Pembangunan Negeri, program dan projek telah dirancang untuk mengantarabangsakan Negeri Perak di peta dunia. Untuk memastikan pelan pembangunan negeri dapat direalisasikan, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada meluaskan jaringan pembangunan strategik. Ini sebahagian dari usaha untuk memastikan kelestarian perancangan masa depan. Untuk itu sebanyak **RM14.82 juta** telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

129. Di dalam era kini, penggalakan pembangunan ekonomi sosial dan ekonomi digital perlu terus dipertingkatkan. Kerajaan berhasrat untuk menyediakan platform bagi memastikan peluang mengoptimakan manfaat dari jaringan pengguna seluruh dunia secara real time diambil sepenuhnya. Bagi membantu menjayakan hasrat ini, **RM3.0 juta akan disediakan kepada K-Perak dan RM1.0 juta dibawah Program Perkomputeran dan Telekomunikasi.**

Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di atas peti,  
Hutang deme tidak dibayar,  
Tinggal lah kami yang makan hati.

130. Pentadbiran sebelum ini telah mengikat satu perjanjian berkenaan jaringan internet berkelajuan tinggi (Metro-e) untuk kegunaan semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dengan Telekom Malaysia. Namun demikian, atas kegagalan pengurusan kewangan oleh agensi yang dipertanggungjawabkan untuk melunaskan bayaran perkhidmatan ini sejak tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menanggung hutang berjumlah RM6.8 juta. Pentadbiran kini telah memulakan usaha untuk berunding semula jumlah yang perlu dibayar. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri perlu memperuntukkan sejumlah wang untuk pembayaran hutang tersebut di samping komitmen tahunan sebanyak RM2.4 juta. Akibat perkara ini, Kerajaan Negeri hanya dapat memperuntukkan sebanyak RM720 ribu bagi peningkatan kapasiti capaian tersebut di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.

131. Kerajaan Negeri juga membina jaringan strategik ini dengan melihat jauh ke hadapan, dengan mengambil pengamalan terbaik (*best practises*) dari seluruh dunia untuk dijadikan asas penambahbaikan. Oleh yang demikian, **RM2.0 juta** disediakan bagi penganjuran **Persidangan dan Seminar Bertaraf Antarabangsa** dengan menumpukan kepada percambahan idea untuk pelan pembangunan yang lebih dinamik dan praktikal dengan landskap sosio budaya serta hala tuju masa hadapan negeri.

132. Pangkor Dialogue yang akan diadakan pada tahun hadapan akan diberi nafas baru dengan menjemput pakar-pakar dari serata dunia dengan memberi penekanan kepada tokoh tempatan.
133. Sejalan dengan perkembangan pesat ekonomi digital dan perubahan teknologi global, Kerajaan Negeri akan meningkatkan perkhidmatan internet jalur lebar berkelajuan tinggi di seluruh Negeri Perak. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan lagi penyediaan prasarana ICT yang diperlukan dengan kerjasama antara syarikat Telekomunikasi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri akan melantik Deployment Partner tambahan bagi menggalakkan penyediaan prasarana ICT termasuk menara telekomunikasi dan fibre optic di seluruh Negeri Perak terutama di kawasan perindustrian dan kawasan luar bandar. Ini bagi mewujudkan persaingan yang lebih sihat bagi memastikan rakyat mendapat lebih manfaat. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan juga dijangka akan mendapat hasil tambahan daripada industri telekomunikasi ini.



## **FOKUS 5 – Memastikan Perbelanjaan Mengikut Keperluan**

134. Bagi Fokus 5 iaitu Memastikan Perbelanjaan Mengikut Keperluan, Kerajaan Negeri akan melaksanakan perbelanjaan berhemah dan mengelakkan ketirisan dalam semua urusan.
135. Bajet 2019 adalah bajet yang pertama di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan. Sesuai dengan aspirasi rakyat yang menuntut perubahan dalam melaksanakan pentadbiran, Kerajaan Pakatan Harapan komited untuk meneruskan agenda pembangunan Negeri walaupun dengan peruntukan pembangunan yang sedikit berkurang berbanding tahun-tahun sebelumnya.
136. Kerajaan ini akan membuktikan, dengan izin *less is more*. Walaupun peruntukan pembangunan Negeri berkurang sebanyak 5.0 peratus berbanding tahun semasa, Kerajaan Pakatan Harapan mampu mengadakan lebih banyak penambahbaikan. Ini mampu dilakukan dengan memberi fokus kepada langkah-langkah mengurangkan ketirisan, menambah baik mekanisma perbelanjaan dan mengelakkan perbelanjaan yang tidak perlu. Peruntukan pembangunan yang kurang ini tidak bermakna pembangunan turut terbantut, tetapi ia akan dibelanjakan mengikut keutamaan dan keperluan demi memastikan agenda pembangunan, fokus yang ditetapkan, aspirasi yang dibangunkan dapat dicapai.

137. Ke arah ini, pengauditan kepada Badan Berkanun Negeri (GLC) dengan bantuan Jabatan Audit Negara akan dilaksanakan. Selain itu, perbelanjaan dalam menganjurkan majlis-majlis rasmi Kerajaan turut berasaskan kepada mengikut keperluan dan bukannya kehendak. Disinilah fokus berbelanja mengikut keperluan memainkan peranan utama dalam memastikan Bajet 2019 mengotakan janji Kerajaan Pakatan Harapan.

138. Melalui amalan berjimat-cermat, sehingga 15 November 2018, rizab dan tunai Negeri mencecah **Satu Perpuluhan Satu Enam Sembilan Bilion Ringgit (1,169,432,088.16)** iaitu peningkatan sebanyak **Seratus Dua Puluh Empat Juta Ringgit (124,768,819.78)** berbanding rizab dan tunai pada 31 Disember 2017 yang berjumlah **Satu Perpuluhan Kosong Empat Lima Bilion Ringgit (1,044,663,268.38)**. Rizab ini dilaburkan bagi mendapatkan keuntungan sebagai hasil untuk menampung perbelanjaan keseluruhan.

## **PENUTUP**

Dato' Yang Dipertua,

139. Mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0, Kerajaan Negeri akan memastikan program-program di peringkat Negeri ditambah baik dari semasa ke semasa supaya memberi impak yang optimum kepada golongan sasar. Bagi maksud ini, program Modal Insan terus diperkasakan supaya anak Negeri tidak tertinggal di dalam persaingan global. Kerajaan Negeri juga akan menambah siling Rancangan Malaysia Ke-11, daripada RM1.76 bilion kepada RM2.1 bilion menjelang tahun 2020 bagi meneruskan pembangunan Negeri.

140. Kerajaan Negeri akan terus menjunjung prinsip-prinsip dasar yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Komitmen penjawat awam amat diharapkan agar dapat bekerja bersama-sama pada setiap masa dan ketika kerana mereka merupakan tulang belakang Kerajaan Negeri yang sangat utuh. Untuk itu, penjawat awam perlu sentiasa komited, dedikasi dan setia dalam melaksanakan tugas dan menyebarkan aspirasi Kerajaan yang memerintah kepada rakyat agar setiap polisi kerajaan dapat disampaikan secara efektif kepada masyarakat, dalam menjayakan agenda pembaharuan yang diharapkan.

141. Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak **RM4 juta** untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjawat awam Negeri, melalui **Program Pembangunan Modal Insan (PPMI)**.
142. Sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen serta dedikasi hampir 9,000 penjawat awam Negeri yang berkhidmat, Kerajaan Negeri mencadangkan pembayaran **Bantuan Khas Kewangan sebulan gaji atau minimum RM2,000.00 kepada penjawat awam Negeri Perak** dibayar pada akhir bulan Disember 2018 dan bulan Mei 2019.
143. Bantuan Khas Kewangan juga dipanjangkan kepada Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), Pekerja Sambilan Harian (PSH), Guru Tadika Islam Jaipk, Guru Kafa, Guru Thanawi, Guru Takmir, Guru I'dadi, Imam, Bilal, Siak, Ketua Kampung dan Tok Batin turut mendapat manfaat bayaran **Bantuan Khas Kewangan RM1,000.00** dan pembayaran pertama pada akhir Disember 2018 dan baki pada Mei 2019.
144. Bantuan Khas Kewangan ini melibatkan implikasi kewangan mencecah hampir RM30 juta.
145. Golongan pesara Kerajaan Negeri tidak dilupakan. Oleh itu, **RM2 juta** tetap disediakan bagi pemberian **Insentif Khas Pesara** oleh Kerajaan Negeri.

146. Kerajaan Negeri dengan ini merakamkan ucapan terima kasih kepada anggota pasukan beruniform khususnya pasukan keselamatan melaksanakan tugas menjaga keamanan dan ketenteraman di peringkat Negeri dan Negara. Dengan komitmen mereka rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni bagi membolehkan Kerajaan memfokus kepada kemajuan Negeri.

Dato' Yang Dipertua

147. Semenjak bumi bertuah Malaysia ini mencapai kemerdekaan, ia telah dibangunkan dengan begitu pesat, termasuklah negeri tercinta Perak Darul Ridzuan yang pada suatu ketika dahulu adalah negeri terkaya di Malaysia. Sehinggalah beberapa tahun kebelakangan ini, negara kita mengalami episod hitam apabila dirundung dengan pelbagai permasalahan yang hampir-hampir mengheret negara kita di ambang kemusnahan daeri segi ekonominya, mahupun akhlaknya.

Jika angin membadai lautan,  
Laut bergelora ribut melanda,  
Ekonomi negeri satu keutamaan,  
Perak maju rakyat bahagia.

148. Rakyat mahukan perubahan yang menyeluruh, perubahan yang bukan jahaja kapad lambang di kartas undi terapi perubahan sikap, cara dan budaya kita sebagai pemimpin. Jesteru itu pada semua pemimpin yang telah diangkat oleh rakyat untuk

mewakili mereka di dewan yang mulia ini serta semua pemimpin di luar sana tidak kira apa jua pegangan agama, bangs dan fahaman politik, marilah kita bersama-sama mencontohi sikap dan aiwa rakyat Malaysia yang sebenar iaitu berkasih-sayang sesama kita.

Burung berkicau harimau mengaum,  
Hidup bersama di hutan belantara,  
Rakyat bersatu berbilang kaum,  
Hidup berharmoni negeri sejahtera.

Sampan kolek menuju ke hilir,  
Sarat muatan disorong nyonya,  
Jangan berkata hanya dibibir,  
Cintakan negeri apa buktinya?

149. Saya yakin, Insya Allah, dengan sikap yang ada pada pemimpin, rakyat dan pendekatan yang telah dicipta oleh kerajaan Pakatan Harapan yang demokratik dan adil, kita akan dapat bangkit semula. Belanjawan ini adalah salah-satu usaha kita untuk memulih dan membina semula Negeri Perak Darul Ridzuan yang kita cintai ini!

150. Sekian pembentangan Bajet Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2019. Saya menyeru semua pihak **Bersama Memacu Harapan** menjadikan Negeri kita cemerlang di masa hadapan. Semua pihak hendaklah membulatkan tekad memberi sumbangan

kepada kemajuan Negeri. Bulat air kerana pembentung; bulat manusia kerana muafakat.

Dato' Yang Dipertua,

Saya mohon mencadang.